

# TYT, isteri hadiri Majlis Perasmian Tamu Gadang UMS

NST 23.11.2013 1

KOTA KINABALU: Tuan Yang Terutama Di-Pertua Negeri Sabah yang juga merangkap Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tun Haji Juhar Haji Mahiruddin dan Isteri Toh Puan Hajah Norlidah Datuk RM Jasni menghadiri Majlis Perasmian Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kali Ke-15 yang diadakan di Padang Kawad UMS, Kota Kinabalu, di sini, malam kelmarin.

Tamu Gadang yang diadakan hampir setiap tahun bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS yang akan berlangsung Sabtu ini dan ia juga sebagai meraikan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di UMS.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi; Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah serta Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Profesor Madya Datuk Dr. Haji Kasim Haji Md. Mansur.



TUN Haji Juhar  
dan Toh Puan  
Hajah Norlidah  
semasa  
melawat  
pameran  
semepna Tamu  
Gadang UMS.